

02 MAY 1997

Cyberjaya-Pembangunan

CYBERJAYA: BANDAR BESTARI TERUNGGUL DI DUNIA

KUALA LUMPUR, 2 Mei (Bernama) -- Cyberjaya, nukleus Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia merupakan yang paling unggul berbanding Lembah Silikon di California dan bandaraya-bandaraya bestari yang lain di dunia.

Pengerusi Eksekutif Multimedia Development Corporation (MDC) Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah hari ini berkata, bandaraya yang serba lengkap dan mesra alam itu akan siap setahun lebih awal dan akan dilancarkan pada 17 Mei ini oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Cyberjaya paling ideal bagi pembangunan multimedia. Ia akan menyediakan persekitaran kerja dan tempat tinggal yang paling ideal untuk menarik nama-nama besar dalam industri multimedia untuk melabur di MSC," kata beliau semasa memberi taklimat mengenai majlis pelancaran itu nanti.

Turut hadir ialah Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Datuk Zainuddin Muhammad yang juga merupakan pengerusi jawatankuasa pemandu bagi majlis pelancaran itu.

Cyberjaya berada di sebelah Putrajaya, ibu negara pentadbiran yang baru. Ia meliputi kawasan seluas 7,000 hektar, bandaraya mesra alam itu diasingkan daripada Putrajaya oleh sebuah lebuh raya yang dikenali sebagai Laluan 2020 (Route 2020).

Pembangunan kedua-dua bandaraya itu akan dikenali sebagai Megajaya.

-- BERNAMA